

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 JILID 4 (10)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

9 Mac 2011

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 8 TAHUN 2011 :
PENGECUALIAN PEMBERIAN KENDERAAN RASMI, PEMANDU DAN ELAUN
GANTIAN KENDERAAN KEPADA PROFESOR GRED VK5 (KHAS A) DAN
PROFESOR GRED VK6 (KHAS B) YANG TIDAK MEMEGANG JAWATAN
PENTADBIRAN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 8 Tahun 2011 mengenai Pengecualian Pemberian Kenderaan Rasmi, Pemandu Dan Elaun Gantian Kenderaan Kepada Profesor Gred VK5 (Khas A) Dan Profesor Gred VK6 (Khas B) Yang Tidak Memegang Jawatan Pentadbiran Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(SABAREHAN BT HJ. ISMAIL)
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k : YH Dato' Naib Canselor

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 8 TAHUN 2011

**PENGECUALIAN PEMBERIAN KENDERAAN RASMI, PEMANDU DAN
ELAUN GANTIAN KENDERAAN KEPADA
PROFESOR GRED VK5 (KHAS A) DAN PROFESOR GRED VK6 (KHAS B)
YANG TIDAK MEMEGANG JAWATAN PENTADBIRAN
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti berkenaan pengecualian pemberian kenderaan rasmi, pemandu dan elaun gantian kenderaan kepada penyandang jawatan Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) yang tidak memegang jawatan pentadbiran di UMP, sebagaimana keputusan Kerajaan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/1996 dan Bil.2/1999 serta Mesyuarat Jawatan Kuasa Naib Canselor/Rektor Bil.2/2003.

LATARBELAKANG

2. Berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2/1996 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2/1999, Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) secara dasar diperuntukkan kenderaan rasmi dan dibekalkan dengan seorang pemandu.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA) Bil. 1/2008 pada 23 Januari 2008 dan Mesyuarat Pihak Pengurusan Universiti (MPPU) Bil. 7/2008 pada 6 Mei 2008 dan Bil. 8/2008 pada 20 Mei 2008 telah bersetuju untuk tidak memberi kenderaan rasmi dan pemandu termasuk elaun gantian bagi menggantikan peruntukan kenderaan rasmi kepada Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B).
4. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.4/2010 (minit telah disahkan pada 12 November 2010) juga telah bersetuju dan meluluskan:
 - i. pengecualian pemberian kenderaan rasmi, pemandu dan elaun gantian kenderaan kepada Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) yang tidak memegang jawatan pentadbiran di UMP.
 - ii. pemandu juga tidak dibekalkan kepada Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) yang memegang jawatan pentadbiran.

SYARAT DAN KELAYAKAN

5. Pemberian kemudahan kenderaan rasmi dan pemandu bagi pegawai universiti adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
- i) Kenderaan rasmi sahaja akan diberi kepada Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) jika mereka memegang jawatan pentadbiran seperti Dekan/ Pengarah;
 - ii) Kemudahan kenderaan rasmi tersebut akan ditarik balik apabila mereka tidak lagi memegang jawatan pentadbiran;
 - iii) Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) yang tidak memegang sebarang jawatan pentadbiran seperti Dekan/ Pengarah tidak layak diberi kemudahan kenderaan rasmi, pemandu dan elaun gantian kenderaan;
 - iv) Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) yang memegang jawatan pentadbiran tidak dibekalkan pemandu sama seperti Profesor Gred VK7 (Khas C).
 - v) Pemandu hanya dibekalkan kepada jawatan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor sahaja.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa serta-merta.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Pentadbiran Bil.13 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



**(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR**

Tarikh : 09 MAR 2011

Edaran Kepada.:

Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP8_2011